

Headline	`Jangan cuba ugut MHC!`		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Arena	Page No	47
ArticleSize	197 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 23,193		



Jangan cuba ugut MHC!

Kuala Lumpur: Jangan cuba untuk mengugut Konfederasi Hoki Malaysia (MHC).

Itu amaran keras Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal kepada barisan pengadil yang cuba untuk memboikot Liga Hoki Malaysia TNB 2024 kerana isu pembayaran elaun.

Subahan memberi amaran kepada pengadil tempatan yang enggan berkhidmat untuk liga hoki tempatan akan dihalang untuk mengadili mana-mana pertandingan di peringkat antarabangsa ataupun domestik.

Subahan nyata berang dengan segelintir pengadil yang meluahkan rasa tidak puas hati mereka terhadap MHC berhubung isu bayaran elaun pengadilan.

Beliau berkata, hoki bukan tempat untuk pengadil ini mencari duit lebih kerana MHC tidak pernah memaksa mereka untuk menjalankan tugas itu dan ia dilakukan atas kerelaan sendiri.

“Siapa-siapa pengadil yang merungut saya akan

pastikan mereka tidak akan ditonjolkan di peringkat tempatan ataupun antarabangsa. Ini arahan saya, kepada mana-mana pengadil yang tidak mahu menjadi pengadil di liga kebangsaan kita, saya akan keluarkan surat rasmi kepada FIH (Persekutuan Hoki Antarabangsa) dan juga Hoki Asia untuk menghalang mereka menjadi pengadil di peringkat antarabangsa. Itu arahan saya.

“Kedua, jika ada pengadil yang terlalu fikirkan duit, carilah sukan lain. Hoki bukan tempatnya. Kita beri mengikut kemampuan jangan fikir ini tempat untuk mereka cari duit,” kata Subahan.

Subahan menjelaskan keutamaan MHC

adalah untuk pasukan kebangsaan, kebajikan pemain dan jurulatih serta sokongan dana untuk negeri menganjurkan pertandingan.

“Saya di sini sebagai presiden pun tak pernah menerima gaji, tak pernah ‘claim’ satu senpun kerana ia tanggungjawab sosial terhadap negara tercinta dan sukan yang dicintai,” katanya.



“

Jika ada pengadil yang terlalu fikirkan duit, carilah sukan lain

Subahan